

22 APR 1999

Mahathir-Sosial

KERAJAAN HADAPI CABARAN HEBAT UNTUK PEMBANGUNAN SOSIAL

KUALA LUMPUR, 22 April (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata kerajaan terus menghadapi cabaran yang hebat bagi tempoh akhir Rancangan Malaysia Ketujuh (RMT), untuk meneruskan tumpuan kepada pembangunan sosial serta mewujudkan masyarakat yang bersatu padu, berdaya tahan, berdisiplin dan yang bersyukur serta berterima kasih.

Sehubungan itu, katanya, tumpuan kepada penyediaan kemudahan infrastruktur dalam pendidikan dan latihan, perumahan, kesihatan, belia, kaum wanita, keluarga dan pembangunan masyarakat, akan dipertingkatkan.

Beliau berkata kerajaan akan menambah akses kepada pendidikan asas khususnya di luar bandar dan kualiti pendidikan; sementara pendidikan tinggi dikembangkan bagi memenuhi permintaan yang bertambah.

"Dalam hubungan ini, kerajaan telah menambah peruntukan untuk pendidikan dan latihan kepada RM16 bilion daripada peruntukan asal RM10 bilion," katanya semasa membentangkan usul mengenai Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ketujuh (RMT) di Dewan Rakyat, di sini hari ini.

Katanya peruntukan Tabung Pendidikan Tinggi Negara juga ditambah daripada RM605 juta kepada RM1.5 bilion dan ini akan memberi faedah kepada 40,000 lagi pelajar di peringkat pengajian tinggi.

Di samping itu, katanya kerajaan akan menyediakan Tabung Pinjaman Latihan Kemahiran dengan peruntukan awal sebanyak RM500 juta bagi meningkatkan penyertaan terutamanya golongan berpendapatan rendah mendapat latihan kemahiran di semua peringkat.

Bagi memperbaiki status kesihatan rakyat, beliau berkata peruntukan bagi sektor kesihatan akan ditambah kepada RM3.4 bilion.

Katanya, penggunaan teknologi maklumat di sektor kesihatan akan dikembangkan dan Sistem Maklumat Menyeluruh Hospital dilaksanakan untuk memudahkan pentadbiran dan pengurusan kesihatan.

Dr Mahathir berkata usaha memerangi virus Japanese Encephalitis (JE) dan Nipah pada masa ini adalah satu pengajaran yang tidak boleh dipandang ringan.

"Kerajaan telah memberi bantuan sedaya upaya, tetapi tanggungjawab seterusnya perlu dipikul oleh semua rakyat Malaysia sejajar dengan konsep masyarakat penyayang," katanya.

Perdana Menteri berkata kerajaan juga akan memperbaiki taraf perkhidmatan sosial yang disediakan oleh pihak berkuasa tempatan terutamanya perkhidmatan bandar, kemudahan sosial, kebersihan dan keindahan bandar serta sistem perparitan dan tebatan banjir.

Selain itu, tumpuan akan terus diberikan kepada golongan tertentu seperti golongan berpendapatan rendah, kaum wanita, kanak-kanak, warga tua dan yang kurang upaya.

Katanya, kerajaan akan terus meningkatkan peranan dan sumbangan kaum wanita dalam pembangunan sosio-ekonomi negara dengan membuka lebih banyak peluang pendidikan, dan latihan akan disediakan bagi menggalakkan mereka menyertai secara berkesan pasaran buruh.

"Peruntukan bagi sub-sektor ini akan ditambah daripada RM3.3 bilion kepada RM4 bilion," katanya.

Bagi meningkatkan pengurusan isu alam sekitar dan sumber semulajadi, Dr Mahathir berkata kerajaan akan memastikan langkah-langkah yang memberi penekanan pendekatan ekonomi akan diambil supaya tidak menjejaskan usaha pembangunan mampan serta tidak membebankan negara.

Perdana Menteri berkata kerajaan meneruskan agenda memupuk sistem nilai

positif melalui penekanan kepada agama, tradisi dan sivik bagi mempercepatkan pembentukan bangsa Malaysia.

-- BERNAMA

HS RI